

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

10hb. Disember, 1975.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 13 TAHUN 1975

Gantian Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihabiskan

Peraturan Sekarang

Saya adalah diarah supaya menarik perhatian tuan kepada [**Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 1974**](#) mengenai perkara di atas. Dengan peraturan yang diadakan itu pekerja-pekerja diberi kemudahan untuk membuat pilihan terhadap tempuh cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan semasa di dalam perkhidmatan, oleh sebab kepentingan perkhidmatan, untuk digantikan dengan salah satu daripada dua faedah seperti berikut:-

- (i) wang tunai sebagai hadiah pada hari penghabisan bekerja sebelum bersara;
 - (ii) perkhidmatan yang berpencen untuk menambah faedah persaraan yang dilayaki.
2. Adalah dijelaskan bahawa faedah itu hanya terbuka kepada pekerja-pekerja di dalam perjawatan berpencen yang akan bersara.

Memanjangkan Faedah Kepada Pekerja-Pekerja Sementara

3. Pekerja-pekerja sementara pun mungkin tidak dapat mengambil cuti rehat sepenuhnya yang mereka berkelayakan bagi tiap-tiap tahun disebabkan kepentingan perkhidmatan. Dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa pekerja-pekerja sementara yang telah membuat opsyen untuk memilih tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan dalam sistem gaji bersih dan mempunyai perkhidmatan yang berterusan dengan tertakluk kepada perbekalan cuti rehat yang sama dengan pekerja-pekerja tetap, adalah layak untuk mendapat kemudahan seperti di perenggan 1 (i) di atas dan tertakluk kepada peraturan-peraturan di dalam [**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1974**](#).

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN BIN

MOHD. DARUS)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Ketua ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.